

NO. SOALAN: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7152

SOALAN:

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan jika seorang anak yang lahir di Malaysia tapi tidak mempunyai kewarganegaraan, kerana bapanya merupakan warganegara tetapi emaknya bukan warganegara, mereka tidak mempunyai sijil perkahwinan, maka permohonan telah pun dibuat dan ia telah lama menunggu jawapan, ini telah memberi banyak kesulitan kepada anak itu; dan

(b) berikan bilangan permohonan yang masih dalam proses di setiap negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil maklum bahawa pertanyaan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merujuk kepada permohonan kewarganegaraan Malaysia kanak-kanak yang dilahirkan di Persekutuan tetapi perkahwinan ibu bapanya tidak didaftarkan di bawah undang-undang semasa yang berkuatkuasa dan ibunya bukan merupakan warganegara Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak semua kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia akan dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Sebaliknya, asas-asas penentuan kewarganegaraan kanak-kanak berkenaan adalah berdasarkan kepada peruntukkan undang-undang yang termaktub di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Secara umumnya, penentuan kewarganegaraan Malaysia seseorang kanak-kanak adalah bergantung kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapanya. Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa kanak-kanak yang dilahirkan di Persekutuan tetapi perkahwinan ibu bapanya tidak didaftarkan di bawah undang-undang semasa yang berkuatkuasa dan ibunya bukan merupakan warganegara Malaysia, sebagai bukan seorang warganegara mengikut peruntukkan undang-undang di bawah Seksyen 17 Jadual Kedua Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Walau

bagaimanapun, Kerajaan tidak pernah menghalang permohonan kewarganegaraan Malaysia bagi kanak-kanak tersebut dan pertimbangan ke atas sesuatu permohonan kewarganegaraan Malaysia dibuat berdasarkan kepada dokumen yang dikemukakan. Mengenai akses kanak-kanak tersebut kepada pendidikan, kesihatan, kebajikan dan lain-lain, perkara tersebut bolehlah dirujuk kepada Kementerian yang berkenaan jua.

Bagi menjawab soalan (b), jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia bagi kanak-kanak yang berumur di bawah 21 tahun mengikut lima (5) negeri tertinggi permohonan dikemukakan dari tahun 2011 sehingga 2013 adalah seperti berikut:

BIL.	NEGERI	JUMLAH PERMOHONAN (PERMOHONAN)
1.	Wilayah Persekutuan Putrajaya	6,094
2.	Sabah	4,838
3.	Johor	2,883
4.	Selangor	1,420
5.	Sarawak	1,367

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
Tarikh Kemas Kini : 03 Oktober 2014